

# Konsep kesyukuran Islam terserlah di Malaysia

Pengiktirafan Sheikhul Al-Azhar bukti dakwaan pemerintahan kerajaan ketepi al-Quran, Sunnah tak benar



'LAM' atau 'ketahuilah' adalah istilah fenomenal yang banyak digunakan al-Quran dan diikuti oleh kitab ilmu keislaman secara keseluruhannya daripada ilmu akidah hingga fikah. Ia digunakan antara lain untuk mengingatkan, menyedarkan, menegaskan, menekankan dan menguatkan sesuatu perkara. Dan ia adalah inti daripada sesuatu perbincangan yang dibahas.

Dalam al-Quran, ia sama jamak atau tunggal, ada disebut sebanyak 29 kali. Sebagai contoh, ayat 19 Surah Muhammad maksudnya: "Oleh itu, maka tetaplah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah." Ayat ini datang sesudah perbincangan mengenai beberapa masalah akidah yang berkaitan dengan 'af'alullah' atau perbuatan Allah.

Ayat 20 Surah al-Hadid, contoh lain, menyatakan maksudnya: "Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata permainan dan hiburan yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkannya harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghidu subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang ditentukan) selepas itu engkau melihatnya menjadi kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya."

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menjelaskan dalam nota 1729 "Selepas diterangkan keadaan orang yang beriman dengan orang kafir di akhirat, maka dalam ayat ini diterangkan pula keadaan kehidupan dunia yang tidak patut dijadikan tujuan utama."

Dalam kitab fikah kita juga ba-

biasa dari institusi pengajian tinggi tertua di dunia terhadap Malaysia.

Pengiktirafan itu tidak datang begitu saja tanpa adanya langkah sebelumnya dan kenyataan yang dirancang, ditunjukkan, dan dibuktikan oleh alumni Al-Azhar Malaysia. Ia adalah perjalanan sejarah tersendiri lulusan Al-Azhar di Malaysia sejak awal abad ke-20. Andainya tidak ada Al-Azhar dan alumninya yang bertaburan di seluruh negara, entahlah, akankah pengajian keislaman dan pelaksanaannya berdiri megah dan bersinar di Malaysia seperti hari ini.

Al-Azhar dan alumninya mempunyai kedudukan tersendiri di Malaysia sama ada pada peringkat kerajaan, mahupun rakyat. Alumni Al-Azhar berada di mana-mana. Mereka berada di jabatan kerajaan dan dekat dengan masyarakat. Sheikhul Al-Azhar, Dr Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi dalam ucapan perasmian multaq menyatakan bahawa lulusan Al-Azhar yang berasal dari Malaysia patut berbangga kerana mereka adalah antara insan terpilih yang dapat menyumbang kepada pentadbiran negara.

Beliau juga memuji Malaysia kerana kemajuan dalam pelbagai aspek terutama pentadbiran, ekonomi dan pendidikan yang menjadikannya contoh terbaik di kalangan negara Islam. Beliau berkata: "Malaysia begitu maju dalam banyak aspek dan sememangnya patut menjadi contoh kepada negara Islam. Pemerintahnya sentiasa berpegang kepada ajaran kitab suci dan sunnah Rasulullah untuk memastikan perpaduan, keamanan dan kemakmuran pelbagai kaum."

Multaq yang penuh berkat kerana menghimpunkan ulama sedunia itu disempurnakan perasmiannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ia bertemakan 'Pendekatan Islam Hadhari Antara Warisan dan Cabaran Semasa' dan selain mengeratkan hubungan di ka-

## INFO

### Empat asas kedaulatan politik negara Islam

- Tugas membuat keputusan politik dan melaksanakannya adalah hak seluruh ummah dan tanggungjawab bersama di kalangan umat Islam;
- Segala keputusan politik dan pelaksanaannya perlu tertakluk kepada prinsip syura (musyawarah);
- Rujukan politik dalam semua hal tertakluk pada kepemimpinan ummah yang mewakili suara majoriti; dan
- Rujukan undang-undang tertakluk kepada hukum syarak yang dianalisis daripada sumbernya dan diperakui oleh kalangan ilmunan fikah.

langan alumni Al-Azhar, perjumpaan itu juga bagi membolehkan mereka berbincang serta mendapat pandangan berhubung isu semasa membabitkan umat Islam dalam usaha membina tamadun melihat kepada warisan Islam serta cabaran semasa.

Pendekatan sederhana Malaysia dalam menerapkan nilai Islam pada seluruh aspek kehidupan bernegara adalah satu kelebihan yang dilihat oleh Sheikhul Azhar sehingga beliau boleh memberikan pengiktirafan. Pengiktirafan yang walaupun dalam bahasa yang sederhana, tetapi mempunyai makna yang luas.

Sejarah Islam dan umatnya di Malaysia bukanlah kisah yang berlaku sehari dua lalu. Ia adalah kisah ber-

abad lamanya yang menyaksikan Islam dan umatnya mengalami pelbagai kenyataan hidup.

Muhammad Taufik Arridzo dalam *Kitab Fiqh Melayu di Nusantara* menulis: 'Hubungan antara negeri Arab dengan Nusantara wujud sejak zaman sebelum munculnya Islam. Pada waktu itu alam Melayu menjadi tempat persinggahan kapal pedagang Arab yang belayar ke China sejak abad ke-5. Berdasarkan perhubungan ini, Arnold berpendapat Islam dibawa oleh pendakwah Islam ke alam Melayu sejak abad ke-7 (Ismail Hamid 1983: 10). Kenyataan ini bertepatan dengan resolusi seminar 'Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia' yang diadakan pada 1963 di Medan, dan 1978 di Aceh (Mahayudin Hj Yahya 1994: 1). Bagaimanapun, ia dikatakan mula berkembang ke seluruh alam Melayu pada kurun ke-13 (Hamka, 1997: 680).

Kedatangan Islam ke alam Melayu selain mengislamkan penduduknya juga mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa Islam (Syed Muhammad Naguib al-Attas 1984:36). Sehingga akhirnya Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama Islam di seluruh alam Melayu. Menurut Syed Muhammad Naguib al-Attas selain daripada Islam yang dianut, orang Melayu juga menerima pakai abjad Arab dan tulisan Arab menjadi kepunyaan orang Melayu dan dikenali sebagai tulisan Jawi. Kemudian, sebahagian huruf Arab disesuaikan dengan bunyi yang lazim pada bunyi lidah Melayu. Selain itu, Islam juga memperkaya perbendaharaan kata Bahasa Melayu dengan istilah dan perkataan Arab dan Parsi, sehingga selewat-lewatnya abad ke-16, Bahasa Melayu mencapai peringkat bahasa Sastera dan agama Islam (Syed Muhammad Naguib al-Attas 1984: 41)."

*Kedatangan Islam ke Tanah Melayu*, seperti dalam *Negara Kita* terbitan Jabatan Percetakan Negara 1982, 'mengukuhkan lagi kedudukan Empayar Kesultanan Melaka dan se-

bahagian daripada kejayaan ini kerana undang-undang Islam dijadikan asas pemerintahan.

Ia bermakna bahawa nilai Islam dalam pentadbiran negara dan kehidupan masyarakat sudah lama wujud dan diamalkan oleh Malaysia sejak zaman berzaman. Ia bukan setakat baru diamalkan dalam Perlembagaan 1957 atau Persekutuan Tanah Melayu sebelumnya.

'Kedatangan dan penghijrahan bangsa asing,' menurut *Negara Kita*, berlaku secara terus menerus dan menjadi semakin besar jumlahnya apabila kegiatan melombong bijih dan penanaman getah secara ladang dijalankan di negara ini. Aktiviti ini membawa kemasukan orang Cina dan India ke Malaysia secara besar-besaran. Ia berbeza dengan kedatangan peringkat pertama pada abad ke-14 iaitu hanya untuk berdagang dan bukan menetap."

Oleh itu, perjalanan Islam dan umatnya di Malaysia adalah sebenarnya perjalanan Malaysia itu sendiri. Dan pada akhirnya hari ini kita mendapati bahawa Malaysia adalah negara Islam contoh yang mengamalkan dasar Islam seperti diperakui Sheikhul Azhar.

Ketulusan dan ketelusan Malaysia dalam menerapkan nilai Islam sudah bermula sejak sekolah rendah lagi dengan menerapkan konsep pemahaman al-Quran secara menyeluruh menerusi J-Qaf, seperti dikatakan oleh Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukur Husin dalam multaq.

Dalam sektor ekonomi, Malaysia mempunyai sistem kewangan dan perbankan Islam yang paling menonjol sehingga menjadi satu daripada mazhab dalam pemikirannya.

Dalam politik, Malaysia juga mengamalkan konsep demokrasi Islam dengan istilah musyawarah permufakatan di mana semua keputusan adalah berdasarkan kepada persefahaman semua pihak. Seseorang pemerintah Islam memegang tampuk pemerintahan berasaskan pemilihan umat Islam terhadapnya. Dalam menggunakan kuasa pemerintahan, dia bukan pemilik kuasa itu, tetapi sekadar mewakili rakyat. Bagaimanapun, rakyat sendiri juga bukan sumber kuasa yang sebenar. Mereka memperoleh kuasa iaitu daripada Allah berasaskan sistem 'khalifah'. (Dr Sobhi 'Abduh (1985), *al-Hakim wa Usul al-Ahkam*, 66)

Ada empat asas yang menjadi tonggak kedaulatan politik dalam negara Islam iaitu tugas membuat keputusan politik dan melaksanakannya adalah hak seluruh ummah dan tanggungjawab bersama di kalangan umat Islam; segala keputusan politik dan pelaksanaannya perlu tertakluk kepada prinsip syura (musyawarah); rujukan politik dalam semua hal tertakluk pada kepemimpinan ummah



“Malaysia begitu maju dalam banyak aspek dan sememangnya patut menjadi contoh kepada negara Islam Pemerintahnya sentiasa berpegang kepada ajaran kitab suci dan sunnah Rasulullah untuk memastikan perpaduan, keamanan dan kemakmuran pelbagai kaum”

Muhammad Sayyid Tantawi  
Sheikhul Al-Azhar



“Ketulusan dan ketelusan Malaysia dalam menerapkan



nyak menjumpai istilah 'i'lam' yang berasal dari kata 'a-li-ma' dengan pengertian 'pengetahuan' dalam perbahasannya. 'Ketahuilah bahawa ia adalah begitu' dan 'ketahuilah bahawa itu adalah begini' adalah fenomena khas yang menghiasi kitab terbabit.

Selama empat hari Malaysia menjadi tuan rumah Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 bermula akhir minggu lalu. Multaqa yang menghimpun alumni berjaya Al-Azhar sedunia itu diadakan untuk julung kalinya di luar Mesir sebagai tempat bertapaknya Universiti Al-Azhar. Ia adalah suatu pengiktirafan yang luar



**PESERTA MULTAQA:** Ulama dan cendekiawan Islam memperakui pelaksanaan Islam Hadhari antara tujuh resolusi persidangan Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008.

yang mewakili suara majoriti; dan rujukan undang-undang tertakluk kepada hukum syarak yang dianalisis daripada sumbernya dan diperakui oleh kalangan ilmuan fikah. (Lihat L Safi, *al-'Aqidah wa al-Siyasah*, 142-47)

Keempat-empat asas ini dilaksanakan Malaysia sejak kemerdekaannya 51 tahun lalu. Dan ia mencerminkan pelaksanaan nilai Islam dalam pentadbiran negara yang membawa Malaysia ke tahap kemakmuran dan keamanan yang meluas di kalangan masyarakat pada hari ini sehingga Sheikhul Azhar pun mengiktirafnya. Ketahuilah!

*nilai Islam sudah bermula sejak sekolah rendah lagi dengan menerapkan konsep pemahaman al-Quran secara menyeluruh menerusi J-Qaf"*

**Dr Abdul Shukor Husin**  
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

*"...Andainya tidak ada Al-Azhar dan alumninya yang bertaburan di seluruh negara, entahlah, akankah pengajian keislaman dan pelaksanaannya berdiri megah dan bersinar di Malaysia seperti hari ini..."*

*"... Pendekatan sederhana Malaysia dalam menerapkan nilai Islam pada seluruh aspek kehidupan bernegara adalah satu kelebihan yang dilihat oleh Sheikhul Azhar sehingga beliau boleh memberikan pengiktirafan..."*